

B584:

MAHATHIR-PERTAHANAN 2 KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 30 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARTINI MENGARAHKAN SUPAYA SATU TAKLIMAT KHAS DAN PERBINCANGAN DIADAKAN BAGI MENCARIJALAN MENGATASI MASALAH YANG MENGHALANG PERLAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN DALAM KEMENTERIAN PERTAHANAN.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN, KETIKA MENYATAKAN KURANG PUASHATINYA DARI SEGI PERLAKSANAAN DI KEMENTERIAN ITU, BERKATA SITU TAKLIMAT KHAS DAN PERBINCANGAN PERLU DIADAKAN MENGENAI RANCANGAN PEMBESARAN ANGKATAN TENTERA. BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS LAWATAN SULUNGNYA KE KEMENTERIAN ITU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KEWANGAN DAN PERANCANGAN TIDAK MENJADI MASALAH TETAPI PERLAKSANAANNYA YANG SELALU MENJADI MASALAH.

+SAYA INGIN MENGETAHUI DENGAN LEBIH MENDALAM TENTANG APA YANG MENJADI PENGHALANG PERLAKSANAAN SUPAYA SAYA SENDIRI DAPAT MENGAMBIL BAHAGIAN MENOLONG MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA BELIAU AKAN MENGGUNAKAN SEGALA KUASA YANG ADA PADANYA UNTUK MENOLONG KEMENTERIAN MENGATASI MASALAH-MASALAH TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1720/LK

MAHATHIR-PERTAHANAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIBERI TAKLIMAT RINGKAS DALAM LAWATANNYA ITU, BERKATA BELIAU TELAH MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENASIHATKAN PARA PEGAWAI KEMENTERIAN +SEDIKIT SEBANYAK TENTANG PERANAN YANG HARUS DIMAINKAN OLEH MEREKA.+ KATANYA KESEMUA CABANG DALAM ANGKATAN TENTERA SEDAR TENTANG TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN MEMPUNYA PENGETAHUAN YANG CUKUP MENGENAI LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIMAINKAN OLEH MEREKA.

KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI AWAM, BELIAU SUKACITA AKAN PERANAN MEREKA YANG PENTING DALAM MEWUJUDKAN ANGKATAN BERSENJATA YANG CEKAP DAN KUKUH.

PERDANA MENTERI MEMUJI KAKITANGAN AWAM DAN PIHAK BERUNIFORM YANG TELAH DAPAT MELAHIRKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN YANG BAIK ANTARA MEREKA.

KETIBAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DISAMBUUT OLEH TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN, PANGKALABANG ABU BAKAR MUSTAPHA, PANGKALIMA ANGKATAN TENTERA JEN. TAN SRI GHAZALI DATUK SETH DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN TAN SRI MOHAMAD YUSUF ABDUL RAHMAN.

BELIAU JUGA TELAH MEMERIKSA SATU KAWALAN KEHORMATAN TIGA PERKHIDMATAN YANG TERDIRI DARI 105 ORANG PEGAWAI DAN ANGGOTA DI BAWAH PIMPINAN MEJAR ARIFFIN SHAH MOHAMAD. — BERNAMA 1743/LK